



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN PADANG REKREASI DI SELURUH KAWASAN TAMAN RAKYAT DAN
PADANG FUTSAL SRI SEDELI (N49A), KLANG SELATAN

Pendahuluan :

1. Kerja yang diliputi dalam kontrak ini mengandungi peruntukan oleh kontraktor dengan risiko dan kosnya sendiri bagi semua bahan-bahan, peranca-peranca, peralatan, loji, pekerja, pengangkutan air dan lain-lain perkara yang perlu untuk pembinaan dan penyiapan kerja di atas mengikut spesifikasi, pelan dan kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa.
2. Penyebutharga / Petender yang berjaya **wajib** menyediakan semua dokumen seperti tercatat di bawah, dalam tempoh **satu (1) minggu** sebelum memulakan kerja-kerja ditapak.
 - 2.1 - Bon Perlaksanaan
 - 2.2 - Polisi Insuran "*Workman's Compensation* "
 - 2.3 - Polisi Insuran "*Contractor's All Risk* "
 - 2.4 - Jadual Perlaksanaan Kerja.
3. Singkatan-singkatan adalah seperti berikut :-

M - METER PANJANG M2 - METER PERSEGI M3 - METER PADU NO - BILANGAN
J.P. - JUMLAH PUKAL P.S. - PROVISIONAL SUM BLN - BULAN TRIP - PERJALANAN
P.P - PEGAWAI PENGUASA

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	<u>Nota:</u>				
1	Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja di atas dengan sistematik dan tidak merosakkan harta benda lain yang berdekatan dengannya.	--	--	--	--
2	Kontraktor juga bertanggungjawab terhadap segala pembersihan di tapak semasa dan selepas menjalankan kerja mengikut arahan Pegawai Penguasa.	--	--	--	--
3	Kontraktor dikehendaki menyediakan keselamatan terhadap orang awam dan pekerja-pekerja secukupnya termasuk peralatan keselamatan sewaktu kerja dan pakai keselamatan (PPE).	--	--	--	--
4	Kontraktor hendaklah mengisi segala butiran di dalam dokumen ini dengan lengkap seperti di dalam ruangan Maklumat Penyebut harga, Borang Kontrak, Senarai Kuantiti dan sebagainya. Kegagalan Kontraktor mematuhi syarat-syarat yang diterangkan seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga dan lain-lain yang berkaitan, maka Majlis BERHAK MENOLAK tawarannya.	--	--	--	--
5	Sebarang butiran yang tidak dihargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam harga butiran lain.	--	--	--	--
6	Kontraktor WAJIB mempunyai sekurang-kurangnya seorang penyelia yang berkecualan serta mempunyai sijil khusus penyelenggaraan landskap atau mempunyai sijil akademik dalam bidang landskap atau yang setara dan diiktiraf. Dokumen berkaitan perlu dikemukakan.	--	--	--	--
7	Kontraktor WAJIB mempunyai kelengkapan, peralatan, jentera, kenderaan dan lain-lain yang berkaitan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap. Dokumen berkaitan perlu dikemukakan.	--	--	--	--

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	BAHAGIAN A (Permulaan)				
1	<u>Penyediaan Jaminan dan Insuran</u> Penyediaan untuk garenti dan insuran-insuran seperti yang disenaraikan mengikut syarat-syarat kontrak seperti berikut :- i) Insuran Pampasan Pekerja " <i>Workman's Compensation</i> " ii) Insuran " <i>Contractor's All Risk</i> "	JP	--	--	
2	<u>Pakaian Seragam Pekerja</u> Tempoh penyediaan pakaian seragam berwarna jingga dan kasut keselamatan yang bersesuaian dalam tempoh 30 hari menjalankan kerja di tapak. Pakaian seragam hendaklah tertera nama syarikat dengan jelas pada bahagian hadapan dan belakang pakaian. (Klausula 6.0 spesifikasi (sila rujuk lampiran 1)	JP	--	--	
3	<u>Papan tanda Kontrak Penyelenggaraan Landskap</u> Setiap lokasi wajib dipasang papan tanda. (Sila rujuk lampiran 2) i) Membekal, memasang dan menyelenggara papantanda bersaiz 2500mm tinggi x 1300mm lebar dan 50mm x 50mm <i>galvanised mild steel post</i> termasuk menggunakan 4mm <i>thickness aluminium composite sheet to be epoxy painted finish</i> . Pemasangan papantanda wajib dilaksanakan dalam tempoh 21 hari dari tarikh SST. Penentuan lokasi pemasangan akan ditentukan oleh P.P. (Klausula 7.0 spesifikasi keria)	no.	5		
4	<u>Peralatan keselamatan (sewaktu beroperasi dilapangan)</u> i) Membekal, menyediakan, meletak peralatan keselamatan sebelum dan semasa kerja dilaksanakan dilapangan. Semua peralatan WAJIB mematuhi piawaian SIRIM. Kegagalan mematuhi arahan ini akan dikenakan DENDA. ii) Pembekalan set keselamatan adalah seperti berikut :- a. Papan tanda AMARAN KERJA SEDANG DILAKUKAN (2 unit) b. Kon keselamatan (4 unit) c. Bendera/tape keselamatan (2 unit) d. Pakaian perlindungan diri (PPE) (mengikut bilangan pekerja) e. <i>Reflective Safety Vest</i> (mengikut bilangan pekerja) f. Lampu keselamatan (<i>baton light</i>) (2 unit) g. Dan lain-lain peralatan keselamatan	JP	--	--	
	JUMLAH DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	BAHAGIAN B (Pentadbiran)				
1	<u>Penyediaan Laporan Bergambar dan Jadual Perancangan Kerja Bulanan</u> i) Penyediaan laporan bergambar kerja-kerja penyelenggaraan landskap 1 kali sebulan semasa tuntutan bayaran dibuat. Pengambilan gambar-gambar kerja sebelum, semasa dan selepas kerja untuk laporan bulanan. Gambar hendaklah bewarna dan bertarikh (<i>time stamp</i>) serta merangkumi semua skop kerja. Tuntutan bayaran hendaklah dibuat pada minggu pertama setiap bulan. ii) Pemborong hendaklah menyedia dan mengemukakan jadual perancangan kerja secara bertulis dengan jelas dan lengkap mengikut syarat-syarat kontrak setiap 25hb untuk perancangan kerja bulan berikutnya.	No.	1		
2	<u>Pekerja</u> Membekal 1 orang penyelia dan 12 orang pekerja setiap hari termasuk hari sabtu, ahad dan cuti am (jika ada keperluan) bagi melaksanakan skop kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang telah ditetapkan didalam kontrak. Pekerja hendaklah berada ditapak dan memulakan kerja tidak lewat dari jam 7.30 pagi. Pekerja hendaklah sentiasa bersedia dan berada di tapak sepanjang masa bertugas harian dan boleh bersedia untuk melaksanakan arahan daripada Pegawai Majlis serta merta. Semua laporan bergambar kerja harian hendaklah dimuatnaik ke dalam " Group Aplikasi Whatsapp " sebelum jam 8.00 pagi. <u>*Ketidakpatuhan menyediakan bilangan pekerja yang telah ditetapkan, syarikat akan dikenakan denda (NTC) seperti dalam lampiran A.</u>	--	--	--	--
3	<u>Bahan rujukan</u> Mematuhi Dokumen Piawaian Kerja Penyelenggaraan Landskap Majlis Bandaraya Diraja Klang dan Jabatan Landskap Negara :- i) Garis Panduan Penyelenggaraan Landskap MPK. ii) Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap. iii) Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam. iv) Garis Panduan Penyelenggaraan Pokok Ameniti. v) Jadual Kadar Harga Bagi Pembekalan Pokok-pokok Tanaman Bagi Tujuan Kerja-kerja Pembinaan Landskap. vi) Kadar Harga Penyelenggaraan Pokok Ameniti Jabatan Landskap Dan Rekreasi MBDK. vii) Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Pembaikan JKR. viii) Jadual Kadar Kerja Elektrik JKR.	--	--	--	--
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	BAHAGIAN C (Penyelenggaraan Landskap)				
	<u>KERJA SELENGGARA LANDSKAP DAN PEMBERSIHAN AWAM</u>				
1	Kerja-kerja pemotongan rumput. i) Sekali seminggu. ii) Potongan rumput separas tanah. Kontraktor hendaklah memotong rumput dan memastikan rumput sentiasa pendek dan tidak melebihi 2cm. iii) Kontraktor hendaklah mengumpul dan membuang sisa potongan rumput dikawasan yang dipotong pada hari yang sama. iv) Kontraktor hendaklah membekal peralatan pemotongan rumput, kelengkapan, bahan-bahan mentah dan lain-lain keperluan selengkapanya untuk melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput ditanak. Senarai peralatan kerja : a. <i>Lawn mover</i> (kawasan padang) b. Mesin pemotong rumput sandang c. Penyapu lidi / pencakar d. Mesin <i>blower</i> e. Plastik beg	m2	52,736.00		
2	Kerja-kerja sapuan dan mengutip sampah dari tong sampah dan membuang poster tanpa izin keseluruhan kawasan kontrak (Harian). i) Menyapu keseluruhan kawasan jalan, pejalan kaki, kawasan berturap, dataran bersimen, parking dan kawasan berumput serta membuang poster tanpa izin supaya SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. ii) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan dan kelengkapan berkaitan agar tugas sapuan dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut kekerapan dan spesifikasi kerja. iii) Pihak kontraktor hendaklah menyapu semua sampah dan kekotoran yang ada disemua kemudahan rekreasi. iv) Pihak kontraktor hendaklah menyapu semua daun kering, sampah sarap dan lain-lain sampah mengikut definisi spesifikasi kerja. v) Kontraktor hendaklah membekal peralatan yang sesuai untuk Kerja vi) Kerja mengutip sampah dari tong sampah hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. vii) Kerja mengutip sampah dari tong sampah hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. ix) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan tong sampah kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. x) Membekal dan memasang plastik sampah (jernih). Senarai peralatan kerja : a. <i>Scraper</i> b. Skop c. Penyapu lidi / pencakar d. Plastik beg	m2	65,920.00		
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
3	Kerja pembersihan longkang / parit erong (scupper drain) (Harian). i) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan berkaitan kerja pembersihan longkang dan lain-lain peralatan untuk melaksanakan tugas membersihkan longkang. ii) Kontraktor hendaklah memastikan longkang sentiasa bersih dengan mengeluarkan dan membuang sampah sarap atau apa saja barangan yang terdapat di dalam longkang termasuk pasir, batu, tanah atau apa-apa bahan supaya longkang dapat mengalir dengan lancar. iii) Kontraktor hendaklah memastikan longkang sentiasa kering dan tiada air bertakung. iv) Semua perangkap sampah atau lain-lain penahan sampah hendaklah sentiasa dibersihkan sehingga tiada halangan aliran air. v) Pihak kontraktor hendaklah mengorek semua sisa-sisa yang ada di dalam longkang walaupun memerlukan penggunaan jentera sedutan (Suction Machine). vi) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan longkang kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. Senarai peralatan kerja : a. Cangkul b. Skop c. Penyapu lidi / pencakar d. Plastik beg	m	1,694.00		
4	Kerja penyiraman (Harian) Membekal dan melaksanakan kerja-kerja penyiraman landskap dengan menggunakan satu (1) unit kenderaan penyiraman 3 tan beserta tangki penyiraman berkapasiti minimum 3,000 liter air, pemandu dan pembantu penyiraman termasuk set pam air yang lengkap dengan aksesori berkaitan. Kenderaan penyiraman perlu dilengkapi dengan alatan keselamatan seperti LED Directional Arrow Light berukuran 2000mm 300mm, papan tanda amaran, lampu keselamatan (rotary warning light dan safety harness Pemasangan set alatan keselamatan pada kenderaan penyiraman adalah mengikut standard / piawai yang ditetapkan sepertimana dinyatakan di dalam spesifikasi, skop kerja dan arahan P.P Senarai peralatan kerja : a. Water Sprinkler (kawasan padang bola) b. Hose dan pam / tanqi siraman. c. Tong penyiram dan kenderaan penyiraman Nota:- i) Kontraktor hendaklah memastikan setiap pokok menerima jumlah air yang mencukupi bagi memastikan pertumbuhan yang optimum.	JP	--	--	
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
5	Kerja mencuci kemudahan rekreasi / perabot taman / pagar taman / retaining wall / lain-lain binaan dinding / papan tanda / lantai pejalan kaki / lantai getah / tong sampah dan kerb (Harian). i) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan berkaitan kerja pembersihan kemudahan rekreasi / perabot taman dan lain-lain peralatan untuk melaksanakan tugas membersihkan. ii) Mencuci keseluruhan kemudahan rekreasi / perabot taman agar SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. iii) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan kemudahan rekreasi / perabot taman kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. iv) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan berkaitan kerja mencuci dan membersihkan pagar taman / retaining wall dan lain-lain binaan dinding. v) Kerja mencuci dan membersihkan pagar taman / retaining wall dan lain-lain binaan dinding hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. vi) Kerja mencuci dan membersihkan pagar taman / retaining wall dan lain-lain binaan dinding hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul seperti dalam panduan kerja-kerja kejuruteraan am. vii) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. viii) Kontraktor hendaklah membekal peralatan kerja pembersihan papan tanda / lantai pejalan kaki / lantai getah / tong sampah / kerb. ix) Kerja mencuci dan membersihkan papan tanda / lantai pejalan kaki / lantai getah / tong sampah / kerb hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. x) Kerja mencuci dan membersihkan papan tanda / lantai pejalan kaki / lantai getah / tong sampah / kerb hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. xi) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. Senarai peralatan kerja : a. Hose penyiram b. Mesin waterjet c. Tong penyiram dan kenderaan penyiraman d. Kain pengelap	nos	19		
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
6	Kerja membuat garisan padang bola sepak / memasang jaring / membuat cat garisan gelanggang / binaan landskap (Seminggu sekali) i) Kontraktor hendaklah membekal dan memasang semua peralatan kerja membuat garisan padang bola / memasang jaring. ii) Kerja membuat garisan padang bola / memasang jaring hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. iii) Kerja membuat garisan padang bola / memasang jaring hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul seperti dalam panduan kerja-kerja kejuruteraan am. iv) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan kerja dan bekalan cat garisan gelanggang / binaan landskap mengikut piawaian sirim. v) Kerja membuat cat garisan gelanggang / binaan landskap hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. vii) Kerja membuat cat garisan gelanggang / binaan landskap hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul seperti dalam panduan kerja-kerja kejuruteraan am dan piawaian. viii) Binaan landskap yang terlibat seperti laluan pejalan kaki / jogging trek / gazebo / bangku taman / papan tanda / <i>railing</i> / tong sampah konkrit / <i>ramp</i> / pelantar kayu / pagar konkrit / tugu / arca / refleksologi / <i>bollard</i> / pagar hiasan dan lain-lain mengikut arahan P.P. ix) Membekal cat <i>heavy duty</i> / cat minyak / epoxy x) Sila rujuk Lampiran A Senarai peralatan kerja : a. Mesin <i>line marker</i> b. Tali pengukur c. Cat	JP	--	--	
7	Kerja-kerja cantasan dahan pokok teduhan / membuang pelepah kering / tergantung / tua (Sebulan sekali). i) Menyediakan tenaga kerja, mesin dan lain-lain peralatan, keperluan yang berkaitan serta bersesuaian untuk melaksanakan perkara berikut termasuk melupuskan sisa potongan dahan ke tapak pelupusan yang dibenarkan. ii) Dahan pokok yang terlibat diukur 10 kaki dari paras tanah. iii) Cantasan sulur air setiap bulan iv) Menyediakan tenaga kerja, mesin dan lain-lain peralatan, keperluan yang berkaitan serta bersesuaian untuk melaksanakan perkara berikut termasuk melupuskan sisa pelepah ke tapak pelupusan yang dibenarkan. Senarai peralatan kerja : a. <i>Scateur</i> b. Galah panjang c. <i>Pole prunner chainsaw</i> d. <i>Chainsaw</i> e. <i>Skylift</i> (kos mengikut bq penyelenggaraan pokok ameniti)	nos	318		
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
8	Kerja mengembur tanah / mencabut rumpai pada pangkal pokok bunga / membaja pokok bunga / meracun rumpai dan serangga (Sebulan sekali). i) Kontraktor hendaklah membekal peralatan yang sesuai untuk kerja-kerja mengembur tanah / mencabut rumpai pada pangkal pokok bunga / batas tanaman / kekotak tanaman / pasu. ii) Kerja mengembur tanah / mencabut rumpai pada pangkal pokok bunga / batas tanaman / kekotak tanaman / pasu hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. iii) Kerja mengembur tanah / mencabut rumpai pada pangkal pokok bunga / batas tanaman / kekotak tanaman / pasu hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. iv) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan setiap kerosakkan pokok bunga / batas tanaman / kekotak tanaman / pasu kepada pihak majlis untuk tindakan pembaikan. v) Kontraktor hendaklah membekal peralatan yang sesuai untuk kerja membaja pokok bunga . vi) Kerja membaja pokok bunga hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. vii) Kerja membaja pokok bunga hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. viii) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan kerosakan pokok bunga untuk tindakan. ix) Kontraktor hendaklah membekal baja yang bersesuaian mengikut jenis pokok ditanam seperti arahan P.P. x) Kontraktor hendaklah membekal peralatan yang sesuai untuk kerja meracun rumpai dan serangga. xi) Kerja meracun rumpai dan serangga SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. xii) Kerja membaja pokok bunga hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. xiii) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan kerosakan pokok bunga untuk tindakan. xiv) Kontraktor hendaklah membekal meracun rumpai dan serangga yang bersesuaian mengikut arahan P.P. Senarai peralatan kerja : a. Mesin pengembur tanah b. Cangkul c. Cangkul mata tiga d. Sarung tangan e. <i>Knapsack sprayer</i> f. Chop tanah / hulu besi g. <i>Rotary Spreader</i>	nos	21,973		
9	Kerja membersihkan <i>dry pond</i> / <i>wet pond</i> / kolam (Sebulan). i) Kontraktor hendaklah membekal peralatan yang sesuai untuk kerja membersihkan <i>dry pond</i> / <i>wet pond</i> / kolam. ii) Kerja membersihkan <i>dry pond</i> / <i>wet pond</i> / kolam SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. iii) Kerja membersihkan <i>dry pond</i> / <i>wet pond</i> / kolam hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul. iv) Pihak kontraktor hendaklah melaporkan kerosakan <i>dry pond</i> / <i>wet pond</i> / kolam untuk tindakan.	nos	1		
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
10	Kerja-kerja pembersihan tandas i) Kerja-kerja pembersihan 1 tandas perlu dilakukan setiap hari dan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih. ii) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan dan kelengkapan bagi kerja yang berkaitan pembersihan tandas. - Meletakkan pewangi tandas/ sabun tangan/ tisu tandas - Meletakkan tong sampah kecil/ plastik sampah - Lap cermin - Pastikan pam/ paip air/ getah paip sedia digunakan - Cuci sawang - Cuci segala aktiviti contend Senarai peralatan kerja a. Tong sampah b. Mop c. Penyapu lidi d. Plastik beg e. Pewangi tandas f. Berus	JP	--	--	
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 24 BULAN			X	24
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
11	Kerja mengecat kemudahan rekreasi / perabot taman / meletakkan grease oil pada semua bahagian mekanikal kemudahan rekreasi (buaian / animal spring / jongkang-jongkit / fitness station dan lain-lain peralatan) (Setiap 6 bulan). i) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan berkaitan kerja mengecat kemudahan rekreasi / perabot taman. ii) Kerja mengecat keseluruhan kemudahan rekreasi / perabot taman agar SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. iii) Kerja-kerja mengecat hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses mengecat yang betul seperti dalam panduan kerja-kerja kejuruteraan am. iv) Kontraktor hendaklah membekal semua peralatan berkaitan kerja meletakkan <i>grease oil</i> pada semua bahagian mekanikal kemudahan rekreasi. v) Kerja meletakkan <i>grease oil</i> pada semua bahagian mekanikal kemudahan rekreasi hendaklah SENTIASA BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT. vii) Kerja meletakkan <i>grease oil</i> pada semua bahagian mekanikal kemudahan rekreasi hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses yang betul seperti dalam panduan kerja-kerja kejuruteraan am. Senarai peralatan kerja : a. Mesin spray cat b. <i>Paint roller</i> c. <i>Masking tape</i> d. Berus Cat	nos	14		
	JUMLAH UNTUK SEBULAN				
	TEMPOH KONTRAK 4 PUSINGAN			X	4
	JUMLAH UNTUK 24 BULAN DAN DI BAWA KE KOLEKSI				

ms/bq/11



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN PADANG REKREASI DI SELURUH KAWASAN TAMAN RAKYAT DAN
PADANG FUTSAL SRI SEDELI (N49A), KLANG SELATAN

KOLEKSI	JUMLAH (RM)
BQ (1)	--
<u>BAHAGIAN A (PERMULAAN)</u>	
BQ (2)	
<u>BAHAGIAN B (PENTADBIRAN)</u>	
BQ (3)	
<u>BAHAGIAN C (PENYELENGGARAAN LANDSKAP)</u>	
BQ (4)	
BQ (5)	
BQ (6)	
BQ (7)	
BQ (8)	
BQ (9)	
BQ (10)	
<u>BAHAGIAN D (PERUNTUKKAN SEMENTARA)</u>	
BQ (11)	
JUMLAH DI BAWA KE LAMPIRAN Q	

RINGGIT MALAYSIA :
.....

Tempoh kontrak ini adalah selama Dua Puluh Empat (24) Bulan dan boleh dilanjutkan selama Dua Belas (12) Bulan sebagai Opsyen Lanjutan, tertakluk kepada prestasi kontraktor yang memuaskan serta kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.

TEMPOH SIAP : 24+12 BULAN

Nama KONTRAKTOR.....

Nama SAKSI :

.....
.....

.....
.....

Alamat :

Alamat :

.....
.....
.....

.....
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon :

No. Telefon :

Tandatangan Kontraktor dan Cop :

Tandatangan Saksi :

.....
.....
.....

.....
.....
.....

Tarikh :

Tarikh :